

19/07/1998

Umat Islam perlu amal cara hidup sederhana

Ahmad Che Doh

KEPALA BATAS: Umat Islam digesa tidak mengamalkan cara hidup yang bersikap melampau, taksub dan sombong, sebaliknya bersikap sederhana, bertolak ansur dan amanah.

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata umat Islam di semua peringkat sama ada pemimpin tinggi atau peringkat kampung harus menjadikan ajaran Islam sebagai landasan hidup untuk mencapai kejayaan dalam pelbagai bidang.

"Jika itu dapat dihayati ia sekali gus membuktikan ajaran Islam bukan saja setakat menuntut umatnya menunaikan tanggungjawab agama dengan baik, malah untuk dihormati oleh orang bukan Islam.

"Apa yang penting diberi penekanan oleh umat Islam sekarang ialah memerangi kejahilan untuk memberi laluan mudah bagi mencapai taraf hidup yang lebih baik dalam pelbagai bidang, termasuk pendidikan, ekonomi dan hubungan baik dengan bukan Islam," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan majlis penutup Seminar Penerapan Nilai-Nilai Islam anjuran bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JKIM) dan Biro Hal Ehwal Umno Bahagian Kepala Batas di Penang Golf Resort Bertam dekat sini, semalam.

Turut serta pada majlis itu ialah Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Yahaya Abdul Hamid dan Ahli Dewan Undangan negeri (Adun) kawasan Bertam, Hilmi Abdul Rashid.

Abdullah berkata, umat Islam harus lebih peka dan tidak membiarkan diri diperalatkan pihak tertentu disebabkan kejahilan dan mengamalkan sikap melampau.

"Umat Islam di negara ini perlu sedar ada negara Islam yang hingga kini tidak mampu mencapai kemajuan. Oleh itu, kita tidak mahu masalah itu berlaku kepada umat Islam di negara ini.

"Sebaliknya kita perlu berbangga kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bukan saja mampu membangunkan negara dari segi mewujudkan kemudahan kepada rakyat, malah dari segi peningkatan ajaran Islam," katanya.

Menurutnya, dalam ajaran Islam tidak ada unsur taksub dan melampau, tetapi lebih mementingkan penghayatan ke arah kesejahteraan hidup dengan orang bukan Islam.

Beliau berkata, penerapan nilai Islam yang diilhamkan oleh Perdana Menteri kini diperakui oleh pemimpin dunia di samping diterima pelbagai pihak dalam negara, termasuk Lembaga Tabung Haji dan Bank Islam.

Menurutnya, ajaran Islam sukar dimantapkan jika masih wujud umat yang lemah dan tidak mampu mencapai kemajuan dalam pelbagai bidang di samping bersikap melampau dan taksub.

Sementara itu, beliau meminta umat Islam bersedia menghadapi pelbagai cabaran dengan meletakkan ajaran Islam sebagai landasan utama di samping bijak menyelesaikan sesuatu isu yang timbul bagi menjamin rakyat pelbagai kaum di negara ini bersatu dan berjuang ke arah kemajuan.

(END)